

Tindakan tegas jika peralat Islam: PM

20 APR 2002

Oleh Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Khamis — Kerajaan akan mengenakan tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang cuba mempergunakan agama Islam untuk kepentingan peribadi serta politik.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tindakan tegas itu perlu diambil untuk mengelakkan umat Islam di negara ini daripada menjadi lemah dan porak peranda.

"Kerajaan akan memastikan agama Islam tidak diseleweng untuk kepentingan mana-mana pihak. Sebagai

agama yang suci, kerajaan akan memastikan agama Islam tidak dicemar atau dihina," kata Perdana Menteri dalam ucapan tahniah dan ikrar taat setia di istiadat pertabalan Yang di-Pertuan Agong ke-12, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, di Istana Negara di sini hari ini.

Upacara itu disiarkan secara langsung oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Dr Mahathir berkata, kerajaan juga sedang berusaha menyelaraskan segala tindakan bagi menge-

lak masalah kemerosotan akhlak yang semakin ketara di kalangan umat Islam terutama generasi muda, daripada menjadi semakin buruk.

Sehubungan itu, beliau berkata, kerajaan akan terus mendokong Islam sebagai agama rasmi negara dan terus menerapkan nilai-nilai Islam di dalam Dentadbiran negara.

"Kerajaan Tuanku akan terus mendokong Islam sebagai agama rasmi di samping menjamin kebebasan beragama bagi penganut agama lain," katanya.

LHAT MUKA 2

Malaysia berkembang maju tanpa

DARI MUKA 1

Dr Mahathir berkata, Malaysia sudah membuktikan kepada dunia bahawa negara Islam boleh maju apabila berpegang teguh dan mengamalkan ajaran Islam yang berasas dan benar.

Katanya, Islam bukan penghalang kepada kemajuan ummah dan negara tetapi yang menjadi penghalangnya adalah umat Islam sendiri yang tidak mematuhi ajaran agama dengan penguasaan ilmu dan perimbangan antara dunia serta akhirat.

"Apabila ada orang Islam

yang sengaja menyalah tafsir agama Islam untuk kepentingan diri mereka dapat diketepikan, umat Islam dan negara Islam tetap akan mencapai kemajuan. Inilah yang dibuktikan oleh Malaysia," katanya.

Pada masa yang sama, beliau berkata, kerajaan juga sedar kewujudan pihak-pihak tertentu, baik di dalam atau luar negara, yang tidak menyenangkan keamanan dan perhubungan kaum yang dicapai negara ini.

"Terdapat pihak tertentu yang berselindung di sebalik pertubuhan bukan kera-

jaan (NGO) dan parti politik, yang menggunakan isu perkauman dan keagamaan dalam usaha untuk mempengaruhi rakyat menentang segala dasar serta usaha kerajaan dalam membina negara ke arah keamanan, kemajuan dan kemakmuran.

"Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas mengikut undang-undang negara untuk membanteras dan menyekat perbuatan jahat golongan ini sekiranya ia mengancam keselamatan negara," katanya.

Dr Mahathir turut menyentuh mengenai bagaimana beberapa negara tertentu mengambil tindakan keras untuk menentang keganasan dan melindungi negara mereka daripada serangan atau ancaman pengganasan.

Beliau berkata, sejak peristiwa 11 September, seluruh dunia berada dalam keadaan waspada dan berjaga-jaga.

"Dalam perkembangan ini, Malaysia tidak terlepas dari pandangan mereka. Malaysia telah dipandang serong dan dituduh oleh

sebarang bantuan pihak luar: PM

pihak-pihak tertentu termasuk media antarabangsa sebagai pangkalan keganasan.

"Akhbar dan majalah mereka telah melaporkan berita yang tidak berasas mengenai kegiatan pengganasan antarabangsa di dalam negara kita. Mereka memberi gambaran kononnya keganasan berpunca dari Malaysia," katanya.

Beliau berkata, sebenarnya mereka hanya berniat buruk dan bertujuan untuk melihat Malaysia bermasalah dan tidak dapat dimajukan.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, walaupun dunia dilanda pelbagai krisis ekonomi dan politik, Malaysia terus dapat berkembang maju dengan usaha sendiri tanpa sebarang bantuan dari pihak luar.

Katanya, kerajaan berjaya menangani pelbagai masalah terutama tekanan ekonomi seperti kewangan dan ancaman keselamatan dalam negara oleh puak militan dan mereka yang terpesong dari ajaran agama.

"Negara kita berjaya mencatat pertumbuhan se-

banyak 0.4 peratus dalam Keluaran Dalam Negara Kasar pada tahun lalu. Kekuatan ekonomi negara kita disebabkan ekonomi negara yang pelbagai.

"Memang benar, sebagai sebuah negara perdagangan, Malaysia bergantung kepada dunia luar untuk kejayaan ekonominya tetapi kebijaksanaan mengatur langkah mengatasi sebarang kesan negatif luar telah meletakkan Malaysia lebih ke hadapan," katanya.

Walaupun bidang pengeluaran masih menjadi bidang penting dalam eko-

nomi negara, Dr Mahathir berkata, pengetahuan dan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) akan meningkatkan ekonomi negara ke tahap yang lebih tinggi pada masa akan datang.

Beliau berkata, sebagai mana yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Rangka Jangka Panjang Ketiga iaitu pelan pembangunan integrasi negara bagi tempoh 2001 hingga 2010, bidang baru dalam pengeluaran teknologi tinggi akan dibangunkan dengan lebih pesat.